

05/09/1997

Bakun: Ekran batal kontrak dengan ABB

KUALA LUMPUR, Khamis - Konsortium Asea Brown Boveri (ABB) dan Companhia Brasileira Projectos O Obras (CBPO), digugurkan sebagai kontraktor utama projek empangan hidro elektrik Bakun.

Tindakan itu diambil berikutan rundingan untuk menyelesaikan rasa tidak puas hati di antara kontraktor bagi projek bernilai RM13.6 bilion itu masih menemui jalan buntu, kata Bakun Hydro Electric Corporation Bhd (BHEC).

BHEC, syarikat pegangan utama projek itu, dalam kenyataan hari ini berkata, oleh kerana rundingan itu gagal, pihaknya terpaksa mencari pilihan lain untuk menyiapkan projek Bakun demi menjaga kepentingan negara.

Sementara itu, sumber di Ekran Bhd (Ekran) syarikat yang menerajui projek Bakun berkata, pihaknya terpaksa mengambil keputusan itu bagi mengelak projek itu terus tertangguh berikutan ras pertelingkahan di kalangan kontraktor.

Sebelum ini, Ekran menerusi BHEC mengadakan rundingan dengan konsortium ABB-CBPO bagi menyelesaikan rasa tidak puas hati berhubung syarat perjanjian kontrak yang sudah dimeterai di antara mereka.

Perkara utama yang menjadi isu dalam krisis berkenaan ialah mengenai peruntukan tuntutan lebih kos oleh konsortium ABB-CBPO, jika projek itu tertangguh atau menanggung lebih pebelanjaan daripada dianggarkan.

Sumber itu berkata, walaupun sudah mengadakan beberapa perbincangan, masih tiada kata sepakat dicapai dan oleh itu, kontrak terbabit terpaksa ditamatkan dengan beberapa syarat akan dipenuhi.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai syarat penamatan kontrak itu dan menyatakan ia akan diumumkan secara rasmi oleh Ekran dalam kenyataan yang dijangka dikeluarkan lewat hari ini.

Ekran, yang memiliki 32 peratus kepentingan ekuiti dalam BHEC, bulan lalu mengumumkan projek Bakun mungkin tertangguh kerana wujud pertelingkahan di kalangan kontraktor yang melaksanakannya.

Berikutan perkembangan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak menolak kemungkinan membatalkan kontrak di antara Ekran dengan ABB.

Untuk tujuan itu katanya, kerajaan sedang meneliti masalah yang wujud di antara Ekran dan kontraktor utama bagi pembinaan empangan Bakun itu kerana wujud rasa tidak puas hati mengenai syarat perjanjian dalam kontraknya.

(END)